



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan
Aras 30-38, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Telefon : +(6)03-8000 8000
Faks : +(6)03-8891 4088
Laman Web : ehome.kpkt.gov.my

Ruj : KPKT/07/L/877/13 Jld. 93 (2)
Tarikh : 14 Mac 2023

PENGARAH

KAISAR MAXIM SDN BHD
No.2D, 2nd Floor, Jalan SS 6/6,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tuan,

PERMOHONAN PENYERAHAN PEMILIKAN KOSONG BAGI HAKMILIK STRATA YANG BELUM DIKELUARKAN DAN PEMINDAHAN HAKMILIK

PEMAJU : **KAISAR MAXIM SDN BHD**
KOD PEMAJU : 19088-2
NOMBOR DL : 19088/12-2025/0149 (R)

CADANGAN PEMBANGUNAN 3 BLOK PANGSAPURI 37 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:

FASA 2:

- I. 1 BLOK PANGSAPURI (202 UNIT) 37 TINGKAT TERMASUK
- II. 6 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA BERSERTA 1 UNIT TNB

DI ATAS LOT PT 9420, MUKIM KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan penyerahan pemilikan kosong bagi hakmilik strata yang belum dikeluarkan dan pemindahan hakmilik **DILULUSKAN UNTUK DUA BELAS (12) BULAN DARI TARIKH PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)** seperti berikut:

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Tarikh Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan dan Jualan (APDL)	19 Januari 2018
2.	Tarikh Perjanjian Jual Beli Pertama ditandatangani	23 April 2018
3.	Tarikh Penyerahan Pemilikan Kosong (VP) sepatutnya	22 Oktober 2022
4.	Tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan	7 Mac 2023
5.	Tarikh Luput Kelulusan Pengecualian Serahan Milikan Kosong Tanpa Hakmilik Strata	6 Mac 2024

3. Pemaju perlu maklumkan kelulusan kepada pembeli berdasarkan terma berikut:

- a) **Notis penyerahan pemilikan kosong petak tersebut kepada pembeli hendaklah disertakan dengan sesalinan perakuan bertulis ini yang dikeluarkan oleh Pengawal Perumahan;**
- b) Pematuan kepada Klausa 28(2), 28(3) dan 28(4) Jadual H, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989; dan
- c) Memaklumkan kepada pembeli setiap peringkat permohonan hakmilik strata sehingga ianya dikeluarkan dan bersedia untuk diserahkan kepada pembeli.


4. Sebarang permohonan lanjut tempoh perlu dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tamat tempoh yang diluluskan. Pemaju dibenarkan menuntut bayaran dibawah Butiran 4 dalam Jadual Ketiga, Perjanjian Jual Beli iaitu jumlah 2.5 peratus (%) daripada harga beli. Jumlah tuntutan ini dikehendaki dimasukkan ke dalam Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) **tetapi tidak boleh dikeluarkan oleh pihak pemaju tanpa kebenaran dari Pengawal Perumahan.**

5. Sekiranya penyerahan pemilikan kosong telah dibuat sebelum tarikh perakuan bertulis ini, kelulusan ini adalah dianggap TERBATAL dan pemaju adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada pembeli ganti rugi mengikut klausa 25(2) dan klausa 28(4) Perjanjian Jual Beli (Jadual H) yang telah ditandatangani oleh pihak pemaju dan pembeli.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' N. JAYASELAN)

Timbalan Pengawal Perumahan